Bil. S 68

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PEKERJAAN (PINDAAN), 2017

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran

2. Pemasukan bab 74A baru ke dalam S 60/2010

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PEKERJAAN (PINDAAN), 2017

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Pekerjaan (Pindaan), 2017.

Pemasukan bab 74A baru ke dalam S 60/2010

2. Perintah Pekerjaan, 2009 adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 74 bab baru yang berikut —

"**Kuasa Menteri untuk membuat perintah upah minimum**

74A. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* menetapkan kadar upah minimum berhubung dengan mana-mana kategori, golongan atau perihalan pekerja.

(2) Mana-mana kategori, golongan atau perihalan pekerja yang berkaitan dengannya suatu kadar upah minimum telah disiarkan di bawah ceraian (1) hendaklah diberi ganjaran oleh majikannya berkaitan dengan kerja yang dilakukan di bawah suatu kontrak perkhidmatan pada suatu kadar yang tidak kurang daripada kadar upah minimum itu.

Diperbuat pada hari ini 28 haribulan Zulkaedah, Tahun Hijrah 1438 bersamaan dengan 21 haribulan Ogos, 2017 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM